

PNB raih untung RM17 bilion

Berjaya agih RM15.0 bilion sebagai agihan pendapatan, bonus



ZETI AKHTAR

- Aset bawah pengurusan naik 6.9 peratus
- Unit dalam edaran meningkat 7.9 peratus
- Lebih 800 juta unit Dana ASN Equity 5 & ASN Sara 2 dijual sehingga akhir 2018

Tahunan 2018 PNB yang dikeluarkan, semalam.

Bagaimanapun, Zeti berkata, PNB berjaya mengagihkan RM15.0 bilion sebagai pengagihan pendapatan dan bonus untuk tahun itu, merupakan yang terbesar sejak penubuhannya.

Dari segi penawaran produk, PNB berjaya melancarkan dua dana harga pembolehubah baharu, iaitu ASN Equity 5 dan ASN Sara 2, yang mencatatkan prestasi yang menggalakkan dengan lebih 800 juta unit dijual sehingga akhir 2018.

Sementara itu, Zeti berkata, perkembangan di seluruh dunia pada 2018 amat tidak seimbang apabila ekonomi terbesar dunia, Amerika Syarikat, berkembang dengan pesat manakala ekonomi maju lain, dan ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, mencatatkan pertumbuhan yang sederhana.

"Pada masa sama, normalisasi dasar monetari di Amerika Syarikat mem-

pengaruhi aliran keluar dana asing daripada pasaran sedang pesat membangun, manakala kebimbangan mengenai harga minyak, ketegangan perdagangan yang meningkat dan perkembangan geo-

politik memberi kesan kepada sentimen dalam pasaran kewangan.

"Ketidaktentuan yang meningkat menyaksikan pasaran saham global rendah pada akhir tahun. Indeks Komposit FTSE Bur-

sa Malaysia KL tempatan merosot sebanyak 5.9 peratus pada 2018, perubahan arah yang ketara daripada peningkatan yang dicatatkan oleh eku-iti awam pada 2017," katanya. *-Bernama*

Aset bawah pengurusan (AUM) Permodalan Nasional Bhd (PNB) naik 6.9 peratus kepada RM298.5 bilion pada 2018 berbanding RM279.2 bilion pada 2017, walaupun terdapat banyak cabaran yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi global dan pasaran kewangan.

Pengerusinya, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata, pertumbuhan AUM disokong oleh dana unit amanahnya, yang menyaksikan unit dalam edaran meningkat 7.9 peratus tahun ke tahun kepada 236.6 bilion, manakala jumlah akaun naik kepada 13.8 juta daripada 13.2 juta, mencerminkan keyakinan pemegang unit

dalam PNB dan 14 dana unit amanahnya.

"Pendapatan bersih pro forma yang disatukan PNB kekal stabil sebanyak RM17.0 bilion pada 2018 berbanding RM17.7 bilion pada tahun sebelumnya," katanya dalam Laporan